

**ASAS PEMBINAAN PERNYATAAN VISI DAN
MISI INSTITUSI PEMBANGUNAN
BERTERASKAN ISLAM DI MALAYSIA**

FARAH FARHANA BINTI JOHARI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**ASAS PEMBINAAN PERNYATAAN VISI DAN
MISI INSTITUSI PEMBANGUNAN
BERTERASKAN ISLAM DI MALAYSIA**

oleh

FARAH FARHANA BINTI JOHARI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2018

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan keizinannya penulisan ini dapat disiapkan. Semoga dengan hasil penulisan ini memberi kesan dan manfaat bersama-sama. Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dirakamkan kepada penyelia utama, Dr. Fadzila Azni Ahmad, penyelia bersama Dr. Azrin Ibrahim dan para pensyarah ISDEV yang lain atas bimbingan, tunjuk ajar dan dorongan sepanjang penulisan ini dijalankan.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada para informan yang mewakili Bank Rakyat, Tabung Haji (TH), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Hospital Pakar al-Islam, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Masjid Negara, atas kerjasama dan maklumat yang diberikan. Begitu juga dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang telah membiayai pengajian saya melalui biasiswa MyBrain15 sepanjang menyiapkan penulisan ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada kedua ibu bapa atas doa, restu dan sokongan selama menyiapkan penulisan ini. Tidak dilupakan juga buat Nurul Suhada Ismail dan rakan-rakan seperjuangan lain atas pandangan, perkongsian, bantuan dan kerjasama yang kalian berikan. Akhir sekali, ucapan penghargaan buat semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyempurnakan penulisan ini.

Farah Farhana Johari

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iii
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xiii
Senarai Singkatan	xiv
Panduan Transliterasi	xvi
Abstrak	xvii
Abstract	xix

BAB 1:- PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.2.1	Pembangunan Berteraskan Islam	4
1.2.2	Institusi PBI	15
1.2.3	Institusi PBI di Malaysia	21
1.2.4	Visi dan Misi Institusi	29
1.3	Pernyataan Masalah	33
1.4	Objektif Kajian	36
1.5	Persoalan Kajian	37
1.6	Definisi Operasional	39

1.6.1	Pernyataan Visi	39
1.6.2	Pernyataan Misi	40
1.6.3	Asas Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi	41
1.6.4	Institusi PBI	43
1.7	Skop dan Batasan Kajian	45
1.8	Kepentingan Kajian	47
1.9	Organisasi Tesis	48

BAB 2:- KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1	Pengenalan	51
2.2	Kajian-Kajian Lepas	51
2.2.1	Kajian Tentang Pernyataan Visi	52
2.2.1(a)	Kandungan Pernyataan Visi	52
2.2.1(b)	Elemen Pernyataan Visi	54
2.2.1(c)	Kepentingan Pernyataan Visi	55
2.2.1(d)	Kesan Pernyataan Visi	58
2.2.2	Kajian Tentang Pernyataan Misi	63
2.2.2(a)	Elemen Pernyataan Misi	64
2.2.2(b)	Tahap Kefahaman Pernyataan Misi	68
2.2.2(c)	Perbandingan Pernyataan Misi	69
2.2.2(d)	Kepentingan Pernyataan Misi	69
2.2.2(e)	Kesan Pernyataan Misi	70
2.2.3	Kajian Tentang Kaedah Pengurusan Strategik di Institusi	73
2.2.3(a)	Asas-Asas Pengurusan Strategik	73

2.2.3(b) Kesan Kaedah Pengurusan Strategik Terhadap Institusi	76
2.2.3(c) Kepentingan Kaedah Pengurusan Strategik	77
2.2.3(d) Tahap Kefahaman Kaedah Pengurusan Strategik	77
2.2.4 Kajian Tentang Asas Institusi PBI	80
2.2.4(a) Tasawur Dalam Institusi PBI	80
2.2.4(b) Manusia Sebagai Pelaku di Institusi PBI	81
2.2.4(c) Fardu Ain Sebagai Kerangka PBI	85
2.2.4(d) Matlamat Akhir PBI	85
2.3 Analisis Kajian Lepas	86
2.4 Sorotan Karya	89
2.4.1 Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi	89
2.4.1(a) Konsep Pengurusan Strategik	90
2.4.1(b) Pernyataan Visi dan Misi di Institusi	95
2.4.2 Sorotan Kaedah Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Institusi	102
2.4.2(a) Analisis SOFT	103
2.4.2(b) Analisis SWOT	105
2.4.2(c) Analisis PEST	109
2.4.2(d) Analisis Portfolio	115
2.4.3 Pengurusan Institusi PBI	117
2.4.3(a) Asas PBI dalam Pengurusan Institusi PBI	117
2.4.3(b) Perbandingan Asas Pengurusan Islam dengan Asas Pengurusan Lazim	126

2.4.4	Pengurusan Strategik Institusi PBI	127
2.5	Analisis Sorotan Karya	132
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	133
2.7	Kesimpulan	136
BAB 3:- KAEDAH PENYELIDIKAN		
3.1	Pengenalan	137
3.2	Reka Bentuk Kajian	138
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	141
3.3.1	Data Primer	141
3.3.1(a)	Instrumen Kajian	142
3.3.1(b)	Sampel Kajian	143
3.3.1(c)	Pemilihan Informen	158
3.3.1(d)	Proses Pengumpulan Data	160
3.3.1(e)	Kesahan dan Keboleh percayaan Data	167
3.3.2	Data Sekunder	168
3.4	Kaedah Penganalisan Data	171
3.5	Tatacara Pelaksanaan Kajian	173
3.6	Kesimpulan	177
BAB 4:- ASAS-ASAS PEMBINAAN PERNYATAAN VISI DAN MISI INSTITUSI PBI DI MALAYSIA		
4.1	Pengenalan	178
4.2	Maklumat Asas Institusi PBI di Malaysia Terpilih	179
4.2.1	Jenis Institusi	179

4.2.2	Jabatan Terlibat dalam Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi	181
4.2.3	Perkembangan Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Institusi PBI	184
4.2.3(a)	Strategi Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi	185
4.2.3(b)	Rasional Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi	198
4.3	Tumpuan Asas Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi	206
4.3.1	Fokus Asas Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Institusi PBI di Malaysia	206
4.3.1(a)	Fokus Asas Islam dalam Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Institusi PBI di Malaysia	209
4.3.1(b)	Fokus Keseluruhan Asas Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Institusi PBI di Malaysia	213
4.4	Tumpuan Khusus Penggunaan Analisis SWOT	216
4.4.1	Sumber Rujukan Analisis SWOT dalam Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi	216
4.4.2	Penganugerahan dan Pengiktirafan Diterima Terhadap Penggunaan Analisis SWOT oleh institusi PBI	222
4.4.3	Ketercapaian Matlamat dan Hala Tuju Terhadap Penggunaan Analisis SWOT di Institusi PBI	223
2.5	Kesimpulan	228

**BAB 5:- ANALISIS ASAS PEMBINAAN PERNYATAAN VISI
DAN MISI INSTITUSI PBI DI MALAYSIA**

5.1	Pengenalan	229
-----	------------	-----

5.2	Analisis SWOT Sebagai Asas Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Institusi PBI.	230
5.2.1	Falsafah SWOT	232
5.2.2	Elemen-Elemen SWOT	235
5.2.3	Prinsip-Prinsip SWOT	244
5.3	Analisis Pemakaian SWOT Sebagai Asas Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Institusi PBI di Malaysia	249
5.3.1	Kesesuaian Analisis SWOT dari Aspek Tasawur Sebagai Acuan	250
5.3.2	Kesesuaian Analisis SWOT dari Aspek Manusia Sebagai Pelaku	255
5.3.3	Kesesuaian Analisis SWOT dari Aspek Alam Roh, Dunia dan Akhirat Sebagai Skala Waktu	261
5.3.4	Kesesuaian Analisis SWOT dari Aspek Fardu Ain Sebagai Kerangka	264
5.3.5	Kesesuaian Analisis SWOT dari Aspek Ibadah Sebagai Perkaedahan	267
5.3.6	Kesesuaian Analisis SWOT dari Aspek Sumber Alam Sebagai Alatan	270
5.3.7	Kesesuaian Analisis SWOT dari Aspek <i>Mardāt Allah</i> Sebagai Matlamat Akhir	274
5.4	Rumusan Kesesuaian Analisis SWOT Sebagai Asas Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Institusi PBI	279
5.5	Kesimpulan	288

BAB 6:- RUMUSAN DAN PENUTUP

6.1	Pengenalan	289
6.2	Rumusan Dapatan Utama Kajian	289
6.3	Implikasi Kajian dan Cadangan Dasar	295
6.3.1	Implikasi ke atas Pembuat Dasar	296
6.3.2	Implikasi ke atas Pengurusan Institusi PBI	296
6.3.3	Implikasi ke atas Konsep Pengurusan Strategik	297
6.3.4	Implikasi ke atas Keseluruhan Institusi PBI	297
6.4	Sumbangan Kajian	298
6.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	299
6.5.1	Fokus Terhadap Subjek Kajian	299
6.5.2	Fokus Terhadap Sampel Kajian	300
6.5.3	Fokus Terhadap Skop Kajian	301
6.6	Kesimpulan	301
	BIBLIOGRAFI	302
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Ringkasan Elemen dalam Prinsip PBI	13
Jadual 1.2	Nama dan Tahun Pusat Zakat di Swastakan	26
Jadual 1.3	Pernyataan Visi dan Misi Institusi Perubatan Islam	27
Jadual 1.4	Pernyataan Visi dan Misi HKL	28
Jadual 1.5	Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian	38
Jadual 2.1	Elemen Pernyataan Misi oleh Pengkaji Lepas	64
Jadual 2.2	Elemen Pernyataan Misi dari Tahun 1987-2001	66
Jadual 2.3	Elemen Pernyataan Misi dari Tahun 1987 Hingga 2010	98
Jadual 2.4	Faktor-Faktor Persekitaran Analisis PEST/PESTEL	112
Jadual 2.5	Surah <i>al-Takāthur</i> dan Pengurusan Strategik	130
Jadual 2.6	Surah <i>al- 'Asr</i> dan Pengurusan Strategik	130
Jadual 3.1	Senarai Institusi PBI di Malaysia dan Pernyataan Visi dan Misi	146
Jadual 3.2	Anugerah yang Diterima Institusi PBI	149
Jadual 3.3	Kriteria Pemilihan Institusi PBI yang Utama	155
Jadual 3.4	Maklumat Informan Kajian	159
Jadual 3.5	Maklumat Informan Kajian Rintis	162

Jadual 3.6	Perubahan Soalan Kajian Rintis	162
Jadual 3.7	Pembentukan Soalan Kajian Baharu	163
Jadual 3.8	Penambahbaikan Soalan Kajian Rintis	165
Jadual 3.9	Ringkasan Kaedah Penyelidikan	176
Jadual 4.1	Ringkasan Justifikasi Pemilihan Institusi PBI di Malaysia	180
Jadual 4.2	Maklumat Jabatan Terlibat Membina Pernyataan Visi dan Misi Institusi PBI Terpilih	182
Jadual 4.3	Pelaksanaan Perubahan Pernyataan Visi dan Misi oleh Institusi PBI	186
Jadual 4.4	Alasan Institusi PBI yang Melakukan Perubahan Terhadap Pernyataan Visi dan Misi	188
Jadual 4.5	Alasan Institusi PBI yang Tidak Melakukan Perubahan Terhadap Pernyataan Visi dan Misi	190
Jadual 4.6	Aspek-Aspek Perubahan Pernyataan Visi dan Misi	191
Jadual 4.7	Alasan Utama Institusi PBI dalam Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi	200
Jadual 4.8	Fokus Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Institusi PBI	201
Jadual 4.9	Penggunaan Asas Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi oleh Institusi PBI di Malaysia	207
Jadual 4.10	Penggunaan Asas Islam dalam Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Institusi PBI	210
Jadual 4.11	Perincian Perkataan dalam Pernyataan Visi dan Misi JAKIM dan Masjid Negara	211
Jadual 4.12	Penggunaan Asas Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Mengikut Kategori	214
Jadual 4.13	Rujukan SWOT dalam Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Institusi PBI	217
Jadual 4.14	Situasi Pencapaian Institusi PBI Terhadap Penggunaan Analisis SWOT	223

Jadual 4.15	Ketercapaian Matlamat dan Hala Tuju Institusi Berdasarkan Pandangan Informan	226
Jadual 5.1	Faktor-Faktor Rangkuman Elemen Ekonomi, Politik, Teknologi dan Sosial	239
Jadual 5.2	Ringkasan Perbandingan Analisis SWOT dan Prinsip PBI	284

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Model Pengurusan Strategik	92
Rajah 2.2	Model Pengurusan Strategik Islam	94
Rajah 2.3	Model Pengurusan Strategik	97
Rajah 2.4	Kerangka Kesepaduan Ilmu Fardu Ain dengan Fardu Kifayah dalam Konteks PBI	118
Rajah 2.5	Prinsip-Prinsip PBI dalam Pengurusan Institusi PBI	125
Rajah 2.6	Proses Pengurusan Strategik untuk Organisasi Islam	128
Rajah 2.7	Kerangka Konseptual Kajian	134
Rajah 3.1	Tatacara Pelaksanaan Kajian	175
Rajah 4.1	Model Pengurusan Strategik Wheelen dan Hunger	219
Rajah 4.2	Proses Identifikasi Asas Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Institusi PBI di Malaysia	227
Rajah 5.1	Proses Penganalisan Kaedah Analisis SWOT dari Perspektif Islam	231
Rajah 5.2	Elemen Penganalisan SWOT	237
Rajah 5.3	Kerangka Asas Pembinaan Pernyataan Visi dan Misi Institusi PBI	287

SENARAI SINGKATAN

BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BSC	<i>Balanced Scorecard</i>
CEO	<i>Chief Executive Officer</i> (Ketua Pegawai Eksekutif)
DBM	Dewan Bersalin Muslimah
EKI	Etika Kerja Islam
Hamka	Haji Abdul Malik Karim Amrullah
HEI	Hal Ehwal Islam
HIAZ	Hospital Islam Az-Zahra
HKL	Hospital Kuala Lumpur
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
INTAN	Institut Tadbir Awam Negara
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JHEAIPP	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
KISAS	Kolej Islam Sultan Alam Syah
LZS	Lembaga Zakat Selangor
MANCOVA	<i>Multivariate Analysis of Covariance</i> (Analisis Multivariate Kovarians)
MKI	Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
NACADA	<i>National Academic Advising Association</i> (Persatuan Penasihat Akademik Kebangsaan)
NRE	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

PBI	Pembangunan Berteraskan Islam
PEST	<i>Politic, Economic, Social, Technology</i> (Politik, Ekonomi, Sosial dan teknologi)
PESTEL	<i>Politic, Economic, Social, Technology, Environment, Legal</i> (Politik, Ekonomi, sosial, Teknologi, Persekitaran, Undang-undang)
PPZ	Pusat Pungutan Zakat
SAW	<i>Ṣalla ‘Allāh ‘Alayh Wa Sallah</i>
SFI	Institut Penyelidikan Stanford
SOFT	<i>Satisfactory, Opportunity, Fault, Threat</i> (Memuaskan, Peluang, kesalahan, ancaman)
SWOT	<i>Strength, Weakness, Opportunity, Threats</i> (Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman)
SWT	<i>Subḥānah Wa Ta ‘āla</i>
TH	Tabung Haji
TQM	<i>Total Quality Management</i> (Pengurusan Kualiti Menyeluruh)
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UPS	Unit Perniagaan Strategik
WANcorp	Waqaf An-Nur Corp. Bhd
YaPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia

PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
t	ط	-	ا
z	ظ	B	ب
'	ع	T	ث
gh	غ	Th	ث
f	ف	J	ج
q	ق	Ḥ	ح
k	ك	Kh	خ
l	ل	D	د
m	م	Dh	ذ
n	ن	R	ر
w	و	Z	ز
h	هـ	S	س
'	هـ	Sy	ش
y	ي	Ş	ص
ṭ	ة	Ḍ	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	َ	ā	آ	ay	أَيَّ
i	ِ	ī	إِيَّ	aw	أَوَّ
u	ُ	ū	أُوَّ		

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

**ASAS PEMBINAAN PERNYATAAN VISI DAN MISI INSTITUSI
PEMBANGUNAN BERTERASKAN ISLAM DI MALAYSIA**

ABSTRAK

Tesis ini bertujuan mengkaji tentang asas pembinaan pernyataan visi dan misi institusi pembangunan berteraskan Islam (PBI) di Malaysia. Idea ini timbul selaras dengan kewujudan pelbagai bentuk institusi PBI, yang secara umumnya mempamerkan matlamat dan hala tuju menerusi pernyataan visi dan misi. Antara bentuk institusi PBI tersebut terdiri daripada institusi pentadbiran, perubatan, sosioekonomi, kewangan, perbankan, pendidikan, peribadatan dan perundangan. Rata-rata institusi PBI ini telah menyatakan matlamat dan hala tuju ke arah pengurusan dan perkhidmatan Islam. Namun begitu, pernyataan visi dan misi jelasnya muncul daripada konsep pengurusan strategik lazim. Menerusi konsep ini, timbul beberapa kaedah yang menunjangi pembinaan pernyataan visi dan misi. Sedangkan dalam Islam terdapat asas pembinaan pernyataan visi dan misi yang tersendiri. Antara kaedah tersebut ialah analisis SWOT, analisis PEST, analisis SOFT dan analisis portfolio. Kaedah-kaedah ini dikenal pasti sebagai kaedah yang menunjangi pembinaan pernyataan visi dan misi kebanyakan institusi sedia ada. Persoalannya, apakah asas yang diguna pakai institusi-institusi PBI dalam pembinaan pernyataan visi dan misi mereka? Adakah institusi-institusi PBI juga merujuk asas yang muncul daripada konsep pengurusan strategik tersebut? Realitinya, konsep pengurusan strategik lazim dilihat kontra dengan asas falsafah PBI. Kajian sebelum ini turut membuktikan bahawa pernyataan visi dan misi institusi PBI sememangnya tidak selari dengan asas-asas PBI. Oleh yang sedemikian, kajian ini dilakukan dengan meneliti asas pembinaan pernyataan visi dan misi daripada perspektif Islam. Untuk tujuan ini, dinyatakan tiga

objektif iaitu pertama, mengenal pasti pembinaan pernyataan visi dan misi institusi PBI di Malaysia; kedua, menganalisis asas pembinaan pernyataan visi dan misi institusi PBI di Malaysia berdasarkan tujuh prinsip PBI; ketiga, merumuskan asas pembinaan pernyataan visi dan misi institusi PBI di Malaysia. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif tersebut pula, kajian ini mendapatkan data melalui kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen. Data yang diperoleh ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Perbincangan kajian ini terbahagi kepada dua fasa, iaitu fasa pertama melibatkan penelitian secara empirikal dan fasa kedua penelitian secara teoretikal. Penelitian secara empirikal mempamerkan bahawa kaedah analisis SWOT sebagai kaedah yang dominan dalam pembinaan pernyataan visi dan misi institusi PBI di Malaysia. Daripada lapan buah institusi yang dikaji, enam daripadanya telah mengguna pakai kaedah analisis SWOT. Rentetan itu, penelitian secara teoretikal pula ditumpukan ke atas kaedah analisis SWOT berdasarkan tujuh prinsip PBI sebagai asas PBI. Walau bagaimanapun, didapati kaedah ini kurang menitikberatkan elemen spiritual, khususnya matlamat akhirnya iaitu *mardāṭ Allāh*. Keseluruhannya, dirumuskan bahawa kaedah analisis SWOT yang dibangunkan menerusi konsep pengurusan strategik lazim kurang sesuai diguna pakai sebagai asas pembinaan pernyataan visi dan misi institusi PBI, melainkan kaedah yang ditunjangi dengan asas-asas PBI sendiri.

THE BASIS OF DEVELOPING VISION AND MISSION STATEMENT OF ISLAMIC-BASED DEVELOPMENT INSTITUTIONS IN MALAYSIA

ABSTRACT

This thesis seeks to dwell into the basic development of the vision and mission statements of Islamic-based development institutions (PBI) in Malaysia. This idea emerge, in line with the existence of various forms of PBI institutions, that generally have displayed the goals and directions through their vision and mission statements. Among the type of PBI institutions consist of administrative institutions, health and medicine institutions, socioeconomy, finance, banking, education, religious and legislation institutions. Majority of these institutions have declared their aims and directions towards Islamic management and services. However, the vision and mission statements in reality emerge from the concept of conventional strategic management. Through the concept, there are several analysis methods that have been the basis of development for the vision and mission statements. These include the SWOT analysis, the PEST analysis, the SOFT analysis and the portfolio analysis. These methods are identified as the basis that stands behind the development of the vision and mission statement. Questions arise, what is the basis that is adopted by PBI institutions in the development of their vision and mission statements? Do the PBI institutions refer to the basis that emerges from the strategic management concept? In reality, this concept of conventional strategic management is seen to be in contrast with the basic philosophy of PBI. Previous studies also shows that the vision and mission statements of PBI institutions are not paralel with PBI basis. Therefore, this study is conducted by examining the basis of the vision and mission statements from the Islamic perspective. For this purpose, there are three objectives stated in this research. First, to

identify the development of the vision and mission statements of PBI institutions in Malaysia. Second, to analyze the basis for developing the vision and mission statements of PBI institutions in Malaysia based on the seven principles of PBI. Third, to summarise the basis for developing the vision and mission statements of PBI institutions in Malaysia. In order to achieve these objectives, this study obtains its data collection through a semi-structured interview, observation and documentation. The data obtained are analyzed by using the qualitative content analysis method. The discussions of this study are divided into two phases where it involves empirical research in the first phase theoretical research. In the second phase, empirical research shows that the SWOT analysis method is most dominant that are used for method developing PBI's vision and mission statement in Malaysia. From the eight institutions selected, six of them have adopted the SWOT analysis method. Thereafter, theoretical research is focused on the SWOT analysis method based on seven PBI principles as PBI basis. However finding shows that less emphasized on the spiritual elements, particularly achieving *mardāṭ Allāh* as the institutions goals. To summarise the SWOT analysis method developed through a conventional management concept is not suitable to be adopted as the basis for developing PBI's vision and mission statements, except for the method that are based on PBI basis.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Malaysia kini, melalui fasa pertumbuhan dalam pembangunan institusi dengan membawa pelbagai matlamat dan hala tuju. Selaras dengan itu, institusi pembangunan berteraskan Islam (PBI)¹ antara institusi selain daripada institusi berbentuk lazim turut mengilhamkan satu demi satu pertumbuhannya. Hal ini terbukti dengan kewujudan pelbagai bentuk institusi PBI seperti pentadbiran, peribadatan, perundangan, perbankan, perubatan, sosioekonomi, kewangan dan pendidikan. Sebagai contoh, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Masjid Wilayah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Rakyat, Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), Hospital Pakar al-Islam, Hospital Pusrawi Sdn. Bhd, Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Tabung Haji (TH), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan lain-lain.

Realitinya, setiap penubuhan institusi ini pasti ingin mencapai satu matlamat pembangunan tersendiri. Dalam hal ini, pernyataan visi dan misi dilihat sebagai satu platform penting bagi sesebuah institusi menggambarkan matlamat masa hadapan. Memandangkan pernyataan visi dan misi merupakan alat menggambarkan matlamat masa hadapan maka, kajian ini memberi fokus kepada pernyataan visi dan misi institusi PBI berdasarkan perspektif Islam. Hal ini bertujuan mendalami asas sebenar

¹ Keseluruhan penulisan kajian ini akan menggunakan singkatan PBI untuk pembangunan berteraskan Islam.

pembinaan pernyataan visi dan misi oleh institusi PBI. Justeru, bab pertama tesis ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, serta organisasi tesis keseluruhannya.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Umumnya, kajian ini melibatkan pengurusan strategik sebagai medium utama. Pengurusan strategik merupakan instrumen yang berupaya membantu meningkatkan prestasi dan menyediakan cara untuk institusi melakukan penambahbaikan (Joyce, 1999:1-2). Selain daripada itu, Johnson et al. (2005) menyatakan bahawa pengurusan strategik dianggap sebagai proses berterusan yang dilakukan oleh sesebuah organisasi yang meliputi elemen penting iaitu memahami kedudukan strategik organisasi, mengenal pasti dan membangunkan pilihan-pilihan strategik dan melaksanakan strategi-strategi yang dipilih.

Menerusi proses-proses yang dilakukan dalam pengurusan strategik ini lah muncul konsep pengurusan strategik yang turut memperkenalkan visi dan misi sebagai salah satu elemen utamanya. Menurut Zainal Abidin Mohamed (2007:34) terdapat tiga elemen yang perlu wujud dalam menjalankan pengurusan strategik iaitu misi, nilai strategis dan persetujuan. Spesifiknya, pernyataan visi dan misi juga memberi kepentingan tersendiri kepada pembangunan sesebuah institusi. Sebagaimana fokus utama kajian ini iaitu memberi fokus ke atas pembinaan pernyataan visi dan misi institusi. Oleh yang demikian, terbukti bahawa pernyataan visi dan misi turut penting sehingga mampu menyumbang kepada pembangunan sesebuah institusi.

Dalam membincangkan hal ini, kegiatan pembangunan pada era ekonomi moden masa ini sedikit sebanyak dipengaruhi aliran pemikiran lazim. Menurut Md. Zahir Kechot (2000:150), dalam dunia moden, objektif memaksimumkan keuntungan dalam pembangunan merupakan objektif tunggal dan akhir. Sebagaimana dalam falsafah pembangunan lazim iaitu sistem kapitalisme. Realitinya, sistem kapitalisme merupakan ideologi yang memacu ke arah mencapai keuntungan maksimum dan bersifat material. Ternyata, bahawa keuntungan dalam pembangunan telah dipraktikkan dalam kalangan masyarakat sejak kewujudan sistem ekonomi kapitalisme. Sehingga kini, didapati bahawa sistem ekonomi kapitalisme telah berjaya mendominasi pembangunan ekonomi sejagat.

Menurut Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad (2013) rata-rata ilmuwan dan pengamal lazim berpandangan bahawa faktor-faktor yang menyumbang kepada pembangunan sesebuah negara disebabkan faktor material dan fizikal ekonomi negara. Meskipun begitu, menurut Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad (2013) pada tahun 1970-an, negara-negara dunia ketiga telah berjaya mencapai tingkat pertumbuhan ekonomi yang diingini, namun negara-negara tersebut telah gagal dalam memperbaiki taraf hidup sebahagian besar penduduk negara. Kegagalan ini membuktikan bahawa konsep yang diketengahkan para pemikir lazim kurang menjamin pembangunan keseluruhan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, bagi menghadapi cabaran pembangunan negara di abad ke-21 sekali gus mencapai tingkat teratas di mata dunia, kegiatan pembangunan perlu mempunyai perancangan masa hadapan. Perancangan masa hadapan yang dimaksudkan ialah menggunakan pendekatan pembangunan yang dibawa oleh

ilmuwan Islam, tanpa bersandarkan pemikiran lazim semata-mata. Menurut Wan Liz Ozman Wan Omar (2000:18), Islam hendaklah menjadi penentu dan pentakrif kepada arus perjalanan sejarah dunia moden pada masa hadapan. Dalam pada itu, Islam juga harus berupaya mencorak senario sosioekonomi dan politik sejagat selaras dengan mesej Islam iaitu membawa rahmat kepada seluruh alam semesta (*rahmat li al-‘Ālamīn*). Jika semua ini berlaku baharulah Islam itu benar-benar dapat diiktiraf sebagai gelombang masa hadapan yang menjadi penentu kepada manusia keseluruhannya (Wan Liz Ozman Wan Omar, 2013).

Oleh yang demikian, PBI dilihat mampu membawa kepada fenomena pembangunan yang lebih menyeluruh. Bagi meneliti perkembangan PBI masa ini dan hubung kaitnya dengan matlamat dan isu-isu institusi PBI, perbincangan seterusnya bab ini dibahagikan kepada empat tema lain. Pertama, PBI yang meliputi falsafah dan prinsip PBI; kedua, institusi PBI; ketiga, institusi PBI di Malaysia dan keempat visi dan misi institusi.

1.2.1 Pembangunan Berteraskan Islam (PBI)

Dalam membincangkan PBI, Joni Tamkin Borhan (2008) menyatakan fokus dan inti utama pembangunan dalam Islam ialah pembangunan manusia sendiri termasuk persekitaran fizikal dan sosial budayanya. Menurut beliau lagi, Islam menganggap diri manusia merupakan tempat sebenar aktiviti pembangunan termasuk faktor fizikal, modal, buruh, organisasi, pelajaran dan kebolehan, faktor-faktor kemanusiaan seperti sikap, insentif, rasa dan juga aspirasi menjadi angkubah yang akan meluaskan lagi spektrum pembangunan ekonomi dalam Islam. Namun demikian,

Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad (2013) membandingkan pembangunan menurut Islam adalah bersifat multi-dimensi yang meliputi aspek fizikal, kerohanian dan moral. Justeru, penilaian pembangunan adalah berpusat kepada konsep tauhid iaitu Allah SWT sebagai Pemilik mutlak dan manusia sebagai khalifah yang bertanggungjawab membangunkan alam semesta berlandaskan al-Qur'an dan hadis.

Walau bagaimanapun, Syed Othman Alhabshi (1994:160) menyatakan bahawa pembangunan selama ini hanya menekankan aspek material yang tertumpu kepada pembangunan ekonomi sahaja. Oleh itu, penekanan harus diberikan kepada pembangunan yang seimbang antara jasad dengan roh berdasarkan konsep, falsafah, tujuan, kaedah dan strategi PBI. Dalam aspek pengurusan pula, Ahmad Ibrahim Abu Sin (1999:210) menganggap bahawa pengurusan dalam Islam adalah dengan meletakkan perhatiannya kepada semua aspek yang memberi kesan kepada amalan pengurusan sama ada ia bersifat dalaman mahupun luaran organisasi. Selain itu, Md. Zahir Kechot (2000) berpendapat pengurusan firma atau organisasi ketika kini perlu menyatupadukan dan menyeimbangkan pembangunan material dan sumber manusia. Md. Zahir Kechot (2000) juga menambah bahawa pendekatan holistik atau tauhid adalah berkaitan dan sesuai dengan arah aliran pemikiran masyarakat dunia menjelang abad ke-21 M. Sejalan dengan penubuhan institusi PBI masa ini, maka perlu didasari asas-asas PBI dalam kesemua peringkat. Hal ini hendaklah bermula daripada peringkat awal penubuhan iaitu peringkat pengurusan akar umbi sehinggalah peringkat pengurusan dalam institusi tersebut.

Realitinya, sistem pengurusan dibangunkan menerusi sesuatu falsafah atau ideologi. Falsafah atau ideologi inilah yang memberikan sistem pengurusan tersebut asas-asas di samping memberikannya suatu prinsip (Ab. Mumin Ab. Ghani, 2006). Ideologi dalam pengurusan PBI berdasarkan sumber utamanya iaitu al-Qur'an dan hadis. Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2001), menyatakan bahawa pengurusan Islam mempunyai sumber-sumber yang tersendiri iaitu, al-Qur'an, hadis, amalan al-Khulafa' ar-Rasyidin, pemikiran klasikal beberapa orang ilmuwan Islam, pemikiran atau tulisan ilmuwan kontemporari Islam dan pemikiran dalam kalangan para ilmuwan moden sama ada Barat atau Timur (Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, 2001). Mohd Shukri Hanapi (2013), juga menyatakan bahawa PBI bertitik tolak daripada tasawur Islam yang berasal daripada epistemologi Islam, iaitu al-Qur'an, hadis, ijmak dan qiyas.

Dalam membincangkan hal ini, pengurusan PBI berbeza dengan pengurusan lazim. Hal ini dapat dilihat dari aspek tasawurnya. Mohd Shukri Hanapi (2013) berpandangan bahawa tasawur pembangunan lazim berasaskan epistemologi lazim iaitu berakar umbi daripada pemikiran dan rasional pengasas teori pembangunan lazim sendiri. Teori pembangunan lazim yang dikemukakan pemikir-pemikir lazim sekadar pengalaman dan dialektik sejarah kehidupan yang ditempuh sekitar masyarakat mereka (Mohd Shukri Hanapi, 2017).

Selain daripada itu, pengurusan PBI juga telah bermula seawal zaman Rasulullah *Ṣalla 'Allāh 'Alayh Wa Sallah* (SAW) berbanding dengan pengurusan lazim. Rasulullah SAW merupakan pelopor kepada sistem pengurusan Islam dengan pelaksanaan perancangan (*plan*), pengorganisasian (*organize*), pengawalan (*control*), penstafan (*recruit*), kepimpinan (*lead*) dan pelaksanaan (*execute*) seperti yang dilaksanakan

dalam pengurusan lazim masa ini (Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, 2001). Ahmad Bashir Aziz (2015:57) juga berpandangan yang selari, bahawa kerajaan Islam sejak zaman Rasulullah SAW, Khulafa' ar-Rashidin, Bani Umayyah, Bani Abbasiah dan seterusnya terlebih dahulu melaksanakan pengurusan bercorak Islam.

Rentetan daripada itu, Muhammad al-Buraey (2013) juga ada menerangkan tentang tokoh-tokoh yang telah melahirkan buah fikiran mereka sehingga menjadi pencetus pengurusan Islam. Antaranya ialah Abu Yusuf, al-Farabi, al-Mawardi, al-Ghazali, Ibn Taimiyyah dan Ibn Khaldun. Dengan pandangan-pandangan tersebut terserlah bahawa, pengurusan Islam telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW terdahulu sehingga memberi pengaruh kepada pengurusan Islam masa ini, sehinggakan kaedah pengurusan Islam sedikit sebanyak diterapkan dalam pengurusan lazim.

Walau bagaimanapun, masih terdapat perbezaan dari segi matlamat pembangunan lazim dengan matlamat PBI. Sekalipun terdapat perbezaan antara pengurusan Islam dengan pengurusan lazim, hanya dari segi kaedah dan matlamatnya sahaja (Ahmad Bashir Aziz, 2015:57). Namun, adakah pendapat ini bertepatan dengan fenomena persekitaran yang berlaku ke atas pengurusan pembangunan masa ini?

Salah satu daripada teori lazim yang sinonim ialah falsafah pembangunan kapitalisme yang membawa matlamat keuntungan. Tidak dinafikan falsafah pembangunan kapitalisme begitu dominan dalam sesuatu pembangunan kontemporari. Namun, ideologi yang terbit daripada falsafah pembangunan kapitalisme lebih kepada pembangunan ekonomi iaitu berkaitan dengan suatu sistem pengeluaran barangan dan perkhidmatan untuk dipasarkan bagi memperoleh keuntungan (Ahmad Shukri Mohd.

Nain & Rosman Md. Yusoff, 2003). Dalam hal ini, Ahmad Shukri Mohd. Nain dan Rosman Md. Yusoff (2003) juga berpendapat bahawa daripada falsafah pembangunan kapitalisme lahir tiga ciri yang dinamik. Pertama, pemilikan persendirian²; kedua, pengawalan melalui pasaran³ dan ketiga bermotifkan keuntungan⁴. Jika diteliti, kaedah dan matlamat dalam falsafah pembangunan kapitalisme berbeza dengan kaedah dan matlamat PBI. Oleh yang demikian, falsafah pembangunan lazim tidak dapat disamakan dengan falsafah PBI kerana bukan sahaja berbeza dari segi matlamat dan kaedah, malah ciri-ciri dinamikanya juga.

Dari segi ciri-ciri, Islam lebih menekankan kepada kesepaduan material dan spiritual. M. Umer Chapra (2016:58) berpendapat bahawa keperluan spiritual tidak hanya solat, sebaliknya semua usaha manusia sama ada bermatlamat material, sosial pendidikan atau saintifik ialah sifat spiritual selagi ia menyumbang kepada nilai-nilai Islam. Hal ini kerana keperluan material dan spiritual saling berkaitan antara satu sama lain. Dalam mengurus PBI tidak seharusnya memfokus kepada ciri-ciri fizikal atau material

² Pemilikan persendirian bermakna sistem pengeluaran secara persendirian dan bersifat individu. Sistem kapitalisme dalam masyarakat bermaksud seseorang pengusaha dan pemodal berkuasa penuh terhadap segala alat pengeluaran seperti tanah, bangunan, peralatan dan modal serta mempunyai pekerja sendiri untuk membolehkan pengeluaran sesuatu barang atau perkhidmatan dijual dipasaran. Dengan kata lain, sistem pemilikan dalam sistem kapitalisme tidak bersifat kolektif dan jauh sekali daripada dimiliki oleh pihak kerajaan atau pemerintah (Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Md. Yusoff, 2003:40).

³ Pengawalan melalui pasaran pula bermakna segala aktiviti ekonomi seperti sistem buruh, keputusan tentang pengeluaran dan pengagihan barangan atau perkhidmatan, sistem harga dan lain-lain dikawal melalui sistem pasaran bebas tanpa campur tangan kerajaan. Dalam sistem pasaran bebas ini persaingan daripada pengeluar lain dan faktor kuasa membeli yang ada pada setiap pengguna, diandaikan akan memaksa seseorang pengeluar barangan itu mengeluarkan hanya barangan dan perkhidmatan yang diperlukan pada tahap kualiti yang tinggi dan harga yang berpatutan (Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Md. Yusoff, 2003:41).

⁴ Secara keseluruhannya, dalam sistem kapitalisme, keuntungan menjadi keutamaan. Dibawah sistem kapitalisme, tujuan aktiviti pengeluaran adalah untuk mendapatkan keuntungan yang semaksimum mungkin dengan kos yang paling minimum. Tambahan pula, keuntungan menjadi faktor penting kepada para pengusaha atau para kapitalis. Kumpulan pengurusan pula diupah supaya menggunakan kepakaran dan kemahiran yang ada pada mereka bagi memastikan syarikat mendapat keuntungan yang maksimum dengan sebahagian besar daripada keuntungan yang diperoleh dimonopoli oleh pemilik dan rakan kongsi (Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Md. Yusoff, 2003:41).

seperti pelanggan, pasaran dan keuntungan sahaja malah, ciri-ciri spiritual seperti akidah, akhlak, ibadah dan syariat perlu diambil kira. Ringkasnya, gabungan kedua-dua perkara fardu ain dan fardu kifayah merupakan asas kekuatan dalam PBI. Gabungan kedua-dua ciri ini sedikit sebanyak dapat memenuhi pengurusan PBI yang holistik. Pengurusan yang holistik juga didasari al-Qur'an sebagai sumber utama yang lengkap dan menyeluruh. Hal ini juga, sebagaimana firman Allah *Subhānah Wa Ta'āla* (SWT) yang bermaksud,

“Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhan, dan janganlah kamu turuti langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya, syaitan itu musuh yang nyata bagimu”.

(Surah *al-Baqarat*, 2:208)

Firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarat* ayat 208, seseorang yang mengakui beriman dan telah menerima Islam sebagai agama, maka seseorang itu perlu mematuhi peraturan Allah SWT dalam al-Qur'an dan tuntutan sunnah Rasulullah SAW, (Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka), 1970:173). Hamka (1970) juga menegaskan bahawa seseorang yang beriman tidak boleh mengakui terdapat peraturan lain yang lebih baik daripada peraturan Islam.

Lantaran itu, dalam mengurus PBI harus didasari al-Qur'an dan hadis. Hassan al-Banna Mohamed, Ab Mumin Ab Ghani dan Siti Arni Basir (2015) turut berpendapat bahawa sistem pengurusan yang berpaksikan ajaran al-Qur'an dengan penghuraian sunnah Rasulullah SAW melalui integrasi ilmu-ilmu saintifik moden akan melahirkan suatu sistem urus tadbir yang cemerlang, sempurna dan berkualiti. Pandangan ini juga membuktikan bahawa sumber-sumber Islam bukan sahaja bersifat menyeluruh,

bahkan lebih sempurna. Kesempurnaan hanya milik Allah SWT bukan logik akal manusia yang terbatas. Allah SWT berfirman yang bermaksud,

“ Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: Roh itu termasuk urusan Tuhan-ku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit”.

(Surah *al'-Isrā*, 17:85)

Berpandukan firman Allah SWT dalam surah *al'-Isrā* ayat 85, Sayyid Qutb (2000:261) menyatakan bahawa ilmu pengetahuan manusia amat terbatas dibandingkan dengan ilmu Allah SWT yang amat sempurna dan rahsia-rahsia alam ini lebih luas berbanding dengan akal manusia yang terbatas. Selain itu, Hamka (1985:4110-4111) pula menjelaskan bahawa roh merupakan rahsia Allah SWT sehingga pengetahuan manusia sendiri terbatas mengenainya. Berdasarkan kedua-dua hujahan berikut, jelas bahawa pengetahuan manusia hanya terbatas berbanding pengetahuan Allah SWT yang lebih luas.

Jadi, sesuatu aktiviti pengurusan pembangunan lebih-lebih lagi pengurusan PBI, tidak cukup dengan hanya merujuk kepada sumber pembangunan lazim yang bersandarkan logik akal dan pengalaman persekitaran sahaja. Penggunaan akal dan pengalaman yang dilakukan oleh pembangunan lazim tidak sesuai kerana ia berubah-ubah dan tidak bersifat menyeluruh. Oleh itu, dalam mengurus PBI perlu terdapat sumber khusus yang bersifat tetap iaitu al-Qur'an. Walau bagaimanapun, al-Qur'an bersifat umum. Dalam hal ini pentafsiran dan perbandingan dengan hadis diperlukan untuk tujuan penggunaan al-Qur'an sebagai asas dalam pengaplikasiannya dalam pengurusan PBI. Hal ini berikutan sifat al-Qur'an yang umum tidak menjelaskan

pembangunan secara khusus dan terperinci (Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Md Yusoff, 2003:84).

Dalam pada itu, Ahmad Shukri Mohd. Nain dan Rosman Md Yusoff (2003:85) berpandangan bahawa sebenarnya potongan ayat-ayat al-Qur'an perlu dijadikan panduan dalam menentukan falsafah, prinsip dan hala tuju pembangunan yang hendak dilaksanakan. Dalam hal ini, al-Qur'an bukan sekadar panduan untuk kaum Muslim, tetapi juga memerlukan akal manusia yang dikurniakan Allah SWT untuk mengaplikasi panduan ini dalam sesuatu perkara yang ingin dilakukan. Oleh yang demikian, sebarang aktiviti pengurusan PBI yang hendak dilaksanakan perlu menjadikan asas Islam iaitu al-Qur'an sebagai panduan, bukan asas lazim yang bersandarkan logik pemikiran sahaja. Penekanan ini juga kerana pengurusan PBI dan pengurusan lazim berbeza falsafah serta prinsip-prinsipnya.

Dalam PBI, asas-asas atau prinsip PBI merupakan tunjang kepada sesebuah institusi PBI itu sendiri. Menurut Muhammad Nubli Abdul Wahab (2008a:22), institusi PBI merupakan institusi yang menjalankan operasi mengikut prinsip-prinsip yang telah ditentukan dalam Islam. Realitinya, kandungan dalam al-Qur'an yang berkaitan dengan pembangunan hanyalah prinsip dan panduan pembangunan yang perlu dijadikan sebagai sumber atau asas kepada penggubalan falsafah dan perancangan pembangunan serta setiap peringkat pelaksanaannya di sesebuah negara (Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Md. Yusoff, 2003:96). Ahmad Shukri Mohd. Nain dan Rosman Md. Yusoff (2003) juga berpandangan bahawa al-Qur'an tidak menjelaskan atau menawarkan sebarang teori tentang pembangunan sama ada dalam bidang ekonomi, politik atau sosial.

Atas landasan yang sama, Mohamad Johdi Salleh dan Nazifah Alwani Mohamad (2012) berpandangan bahawa prinsip-prinsip Islam dalam pentadbiran menyediakan sistem yang lebih komprehensif kerana menggabungkan dimensi moral dan rohani. Mereka juga berpandangan bahawa prinsip-prinsip pentadbiran Islam berasal daripada al-Qur'an yang merupakan sumber paling mendasar dalam syariah Islam dan sumber kedua terpenting iaitu hadis. Jadi, untuk melahirkan matlamat yang lebih komprehensif dan berada dalam landasan Islam segala prinsip PBI perlu dipatuhi.

Mohamad Johdi Salleh dan Nazifah Alwani Mohamad (2012) juga berpendapat bahawa prinsip-prinsip yang paling penting ialah ilmu pengetahuan, pengertian yang baik dan larangan yang buruk, amanah (*trust*), keadilan, shura (*consultation*), persaudaraan, tingkah laku moral dan etika, tanggungjawab (*trustworthiness*), muhasabah (*accountability*) dan motivasi. Rangkuman prinsip-prinsip ini lah yang perlu dipatuhi pekerja-pekerja dalam organisasi. Lantaran itu, institusi PBI juga boleh menetapkan matlamat pengurusan institusi masing-masing bersandarkan prinsip-prinsip ini. Tambahan pula, prinsip PBI merupakan asas yang menjadi sumber kepada setiap perancangan dan tindakan dalam proses pembangunan, malah sesuatu pembangunan itu dikatakan Islamik apabila pengurusannya didasarkan kepada prinsip PBI (Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Md. Yusoff, 2003). Dalam hal ini, kedua-dua mereka menggariskan tiga prinsip asas PBI yang lahir daripada al-Qur'an dan hadis iaitu, tauhid, khalifah dan akhlak.

Walau bagaimanapun, Muhammad Syukri Salleh (2003b) mempunyai pandangan yang lebih jelas dengan memperincikan prinsip PBI ini kepada tujuh perkara asas. Beliau melihat kepentingan prinsip-prinsip Islam dalam keseluruhan aktiviti

pembangunan, bermula di peringkat awal sehinggalah peringkat akhir dalam pembangunan. Beliau menetapkan bahawa prinsip PBI mesti merangkumi sekurang-kurangnya tujuh perkara asas iaitu acuan pembangunan, pelaku pembangunan, skala waktu pembangunan, kerangka pembangunan, perkaedahan pembangunan, peralatan pembangunan dan matlamat pembangunan. Hakikatnya, prinsip-prinsip yang digariskan beliau bukanlah terlalu ketara dengan pandangan-pandangan lain, yang berbeza hanyalah apabila prinsip-prinsip ini difokuskan dalam konteks PBI. Hal ini, dilihat mampu mencorak satu asas yang kuat dalam sesuatu PBI. Bagi menjelaskan lagi tentang prinsip PBI yang dikemukakan Muhammad Syukri Salleh (2003b), Jadual 1.1 berikut memaparkan ringkasan elemen-elemen yang terkandung dalam tujuh prinsip PBI.

Jadual 1.1: Ringkasan Elemen dalam Prinsip PBI ⁵

Prinsip PBI	Elemen-Elemen
Tasawur sebagai acuan	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungan manusia dengan Allah SWT • Hubungan manusia dengan manusia • Hubungan manusia dengan sumber alam
Manusia sebagai pelaku	<ul style="list-style-type: none"> • Hamba Allah (<i>habl min Allāh</i>) • Khalifah Allah (<i>habl min al-nās</i>)
Alam roh, dunia, akhirat sebagai skala waktu	<ul style="list-style-type: none"> • Garis panduan: al-Qur'an, hadis, qiyas dan ijmak • Aqidah • <i>Al-falāh</i>
Fardu ain sebagai kerangka	<ul style="list-style-type: none"> • Fardu ain: tauhid, fekah dan tasawuf (spiritual) • Fardu kifayah: pembangunan, perundangan, ekonomi (fizikal)
Ibadah sebagai kaedah	<ul style="list-style-type: none"> • ibadah asas, • amalan-amalan utama (<i>faḍāil al-'a 'māl</i>) • ibadah umum • Fizikal dan spiritual
Sumber alam sebagai alat	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber fizikal • Sumber spiritual

⁵ Ringkasan elemen dalam prinsip PBI ini diolah berdasarkan pembacaan penyelidikan ke atas karya tujuh prinsip PBI oleh Muhammad Syukri Salleh (2003). Pengolahan ini bertujuan menyenaraikan serta menjelaskan elemen-elemen yang terkandung dalam tujuh prinsip PBI secara lebih spesifik.

Sambungan Jadual 1.1

Prinsip PBI	Elemen-Elemen
<i>mardā</i> Allāh sebagai matlamat akhir	<ul style="list-style-type: none">• <i>al-falāḥ</i>• prinsip-prinsip Islam• tauhid, syariat, akhlak

Berdasarkan Jadual 1.1, jelas memaparkan bahawa keseluruhan elemen yang terkandung dalam ketujuh-tujuh prinsip PBI tersebut. Secara rasionalnya, perkara paling asas dalam PBI adalah tasawur. Hal ini turut dipersetujui Mohd Shukri Hanapi (2014:11) bahawa tasawur PBI bertujuan menjelaskan konsep dan elemen tasawur secara benar dan menyeluruh sehingga menjadi asas segala aktiviti pembangunan dalam kehidupan manusia. Kedudukan tasawur dalam PBI adalah sebagai asas atau acuan bagi segala aspek kehidupan manusia termasuk aspek pelaksanaan PBI (Mohd Shukri Hanapi, 2014:50). Justeru, dapat dikatakan bahawa tasawur merupakan titik permulaan sebagai asas PBI sebelum lahir prinsip-prinsip yang lain dan diikuti beberapa elemen lain di dalamnya.

Keseluruhan perbincangan ini memperlihatkan dua faktor asas PBI dikatakan paling sesuai diimplementasikan dalam pengurusan institusi PBI berbanding asas-asas lazim. Pertama, asas-asas lazim bertitik tolak daripada falsafah lazim yang didasari logik akal dan pengalaman persekitaran sahaja berbanding dengan falsafah PBI sebagaimana yang dibincangkan dalam bahagian sebelum ini. Kedua, ciri-ciri atau elemen-elemen pembangunan lazim menyimpang daripada ciri-ciri atau elemen-elemen dalam PBI. Oleh yang demikian, asas yang paling sesuai diguna pakai dalam pengurusan PBI termasuk di institusi PBI ialah asas-asas PBI sendiri.

1.2.2 Institusi PBI

Apabila berbincang mengenai institusi PBI pula, Fadzila Azni Ahmad (2010) mengkategorikan institusi PBI kepada beberapa aspek iaitu aspek pembangunan yang asas seperti aspek-aspek peribadatan umat Islam sehingga aspek peribadatan yang lebih umum seperti pendidikan, pentadbiran, kewangan, perbankan, perubatan, perundangan dan sosioekonomi. Menyingkap perkembangan institusi PBI, secara umumnya bermula sejak penghijrahan Rasulullah SAW iaitu pada tahun 622 M ke Madinah. Berikutan wujudnya ummah di Kota Madinah, maka terdirilah sebuah negara dengan sistem pemerintahan berteraskan Islam. Hal ini turut didasari usaha Nabi SAW dalam menyatupadukan masyarakat Islam iaitu dengan mewujudkan tempat ibadat dan pusat dakwah⁶. Hasil usaha ini membawa kepada terbinanya institusi peribadatan yang pertama iaitu Masjid Quba', kemudian diikuti dengan Masjid Nabawi di Kota Madinah. Kedua-dua Masjid Quba' dan Masjid Nabawi ini boleh dikategorikan sebagai institusi peribadatan yang terangkum dalam institusi PBI.

Pada zaman Rasulullah SAW, kaum Muslimin menjadikan masjid sebagai pusat pelbagai guna iaitu bukan sekadar untuk tujuan ibadah sahaja, bahkan untuk tujuan keduniaan seperti urusan perniagaan atau memperdengarkan syair (Abd. Rahman Abdullah, 1981). Abd Aziz Harjin (2008) pula menyatakan bahawa masjid pada zaman Nabi SAW adalah sebagai pusat bagi segala aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan khususnya hal-hal yang berkaitan dengan ibadat dan pendidikan.

⁶ Sebagai contoh, institusi peribadatan pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat tidak dilihat dari segi peranannya yang khusus sahaja, tetapi peranan yang sepadu dalam pembangunan dan perkembangan ummah. Dalam hal ini, masjid didapati terdiri dengan pelbagai fungsi seperti tempat beribadat serta menggerakkan kegiatan sosial masyarakat (Mohd. Mokhtar Syafii, tt).

Selain itu, Abdurrahman Raden Haqqi (2004) menambah bahawa peranan masjid yang telah diwariskan oleh Baginda Rasulullah SAW ialah sebagai pusat pentadbiran, sumber keadilan, markas ketenteraan, gedung ilmu pengetahuan, sumber bantuan dan pertolongan, tempat perlindungan dan berteduh, pusat kegiatan masyarakat dan dakwah Islam, pusat dan tempat beribadat, bertahajud dan sujud kepada Allah SWT⁷. Dengan kata lain, institusi peribadatan merupakan tempat menghubungkan antara manusia dengan manusia dan manusia dengan Allah SWT. Ini membuktikan, sejak zaman Rasulullah SAW lagi institusi peribadatan telah mempamerkan pelbagai matlamat dan hala tuju PBI.

Kini, wujud pelbagai binaan masjid di serata pelosok dunia. Kebangkitan institusi PBI ini wujud dengan pelbagai cara, kemudahan dan matlamat. Di Singapura misalnya, dalam catatan sejarah pada tahun 1975, pemerintah Singapura melalui Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah membantu dengan mengadakan satu skim untuk memungut derma daripada masyarakat Islam bagi tujuan membina masjid baharu yang canggih dengan segala kemudahan dan peralatan moden (Ezad Azrai Jamsari, Siti Noorasikin Tumiran, Kaseh Abu Bakar & Zamri Arifin, 2010). Hasil daripada usaha ini dianggarkan Singapura memiliki 70 buah masjid dan masjid tersebut terbahagi kepada dua bahagian iaitu masjid persendirian dan yang diurus oleh MUIS.

Fenomena kebangkitan institusi PBI wujud kerana terdapat kesedaran secara menyeluruh bagi menghayati semula Islam sebagai suatu cara hidup berdasarkan al-

⁷Peranan masjid pada zaman Rasulullah SAW ini telah diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a: "Ketika kami berkumpul bersama Nabi di masjid, tiba-tiba datang seorang Arab badwi, kemudian ia kencing di masjid. Maka para sahabat mengherdikanya: Maka Nabi SAW bersabda: Biarkanlah, maka mereka membiarkannya hingga selesai dari kencingnya, kemudian Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya masjid-masjid itu tidak layak untuk dikencing atau dikotori, masjid itu dibangun untuk zikrullah, solat dan membaca al-Qur'an (Hadis Riwayat Muslim, 2/133: no.429).

Qur'an dan hadis. Bertitik tolak daripada itu, institusi peribadatan sedikit sebanyak menyerlahkan peranannya sebagai simbol penyatuan umat Islam sejagat. Maisarah Hasbullah (2012) menyatakan perkembangan Islam di Timur Tengah memainkan peranan dan sumbangan yang ketara dalam mempengaruhi perubahan asas dalam proses kebangkitan semula Islam. Masjid juga dilihat berperanan penting dalam perkembangan dan tamadun Islam terhadap masyarakat Islam sendiri.

Namun, akibat perkembangan negara-negara Islam dan kelainan corak serta sistem pemerintahan pemimpin Islam yang silih berganti, maka peranan masjid yang dilihat pada zaman Rasulullah SAW tidak lagi diteladani sepenuhnya. Abdurrahman Raden Haqqi (2004) berpendapat bahawa keadaan semasa yang kian berubah menyebabkan timbulnya institusi-institusi baharu yang mengambil alih sebahagian daripada peranan masjid. Kesannya, timbul institusi PBI yang baharu dibangunkan pihak kerajaan dan swasta dengan membawa matlamat dan hala tuju tersendiri. Meskipun begitu, kewujudan institusi-institusi ini bukanlah sesuatu yang membimbangkan, sebaliknya memberi kesan positif kepada perkembangan PBI secara lebih menyeluruh.

Secara lebih berfokus salah sebuah institusi PBI yang timbul menggantikan peranan masjid ialah institusi pendidikan. Sehingga kini, institusi pendidikan juga wujud sebagai institusi PBI yang turut merencanakan suasana PBI. Institusi pendidikan merupakan salah sebuah institusi yang ditubuhkan hasil pemodenan yang kian mendapat tempat seantero dunia. Institusi ini bukan sahaja didirikan atas dasar PBI sahaja, malah merentas bidang ilmu dunia. Selaras dengan perkembangan Islam, institusi pendidikan sebenarnya telah lama wujud iaitu semenjak zaman Rasulullah SAW hinggalah kini. Berpaksikan kewujudan masjid sebagai institusi peribadatan

pada zaman Rasulullah SAW, pendidikan antara perkara yang diterapkan oleh Baginda Rasulullah SAW dalam kalangan umatnya pada ketika itu. Perkara ini disadari setelah wahyu pertama yang diterima Rasulullah SAW yang memerintah Baginda membaca dan mempelajari ilmu pengetahuan. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud,

“ Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari segumpal darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu yang amat pemurah. Yang mengajarkan manusia melalui pena dan tulisan. Dia Mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”.

(Surah *al-‘Alaq*, 96:1-5)

Berdasarkan surah *al-‘Alaq*, ayat satu hingga lima, Hamka (1985:215-216) menerangkan bahawa Rasulullah SAW diperintahkan membaca atas nama Allah SWT yang telah mencipta manusia dari segumpal darah. Dalam ayat ini juga, diterangkan tentang kemuliaan Allah SWT yang telah mengajar manusia pelbagai ilmu pengetahuan (Hamka, 1985:215-216). Bertitik tolak daripada perintah Allah SWT terhadap Baginda Rasulullah SAW tentang ilmu pengetahuan, maka pendidikan menjadi suatu keutamaan kepada manusia hingga kini.

Dengan bersumberkan wahyu, maka bermulalah satu era baharu dalam sistem pendidikan. Sungguhpun pada ketika wahyu pertama diturunkan ini, Baginda Rasulullah SAW belum berhijrah, namun ilmu al-Qur’an ini telah tersebar meluas hingga ke pelosok Madinah (Mohd Yusuf Ahmad, 2002). Menurut Che Bakar Che Mat et.al. (2007), perkembangan institusi pendidikan Islam bermula sejak zaman Rasulullah SAW (609-632M) dan diikuti zaman Khulafa al-Rasyidin (632-661M) lagi.

Pada zaman ini pendidikan hanya berjalan secara tradisional iaitu di tempat-tempat seperti *Dār al-Arqām*⁸, masjid, *al-Ṣufat*⁹ atau surau dan *Kuttāb*¹⁰. Abd Aziz Harjin (2008) juga menyatakan bahawa institusi PBI bermula di rumah dan masjid, kemudian ditubuhkan *Bayt al-‘Īlm*, *al-Madrasat al-Bayhaqqiyat* di Naisabur dan Madrasah *Nizāmiyyat* di Baghdad pada tahun 1067 M sebagai institusi pengajian tinggi Islam. Beliau turut menambah bahawa kemuncak kepada perkembangan institusi pendidikan Islam adalah dengan tertubuhnya Universiti Al-Azhar Mesir pada tahun 359 H (980M).

Rentetan itu, institusi PBI diperluaskan lagi dengan penubuhan institusi kewangan dan perbankan Islam. Institusi kewangan dan perbankan Islam kini turut menyerlahkan sisi kejayaan yang gemilang dalam pencapaian prestasi perbankan Islam. Mohammad Akram Laldin dan Nusaibah Mohd Parid (2010) berpendapat bahawa keampuhan perbankan Islam semasa melalui tempoh krisis kewangan yang melanda dunia, telah menonjolkan institusi PBI sebagai institusi yang mempunyai banyak potensi. Fenomena ini sedikit sebanyak membuktikan bahawa sistem perbankan Islam berupaya menjadi alternatif kepada sistem perbankan konvensional.

Berdasarkan catatan perkembangan kewangan Islam, institusi perbankan ini bermula di Mesir dengan penubuhan *Mit Ghamr Local Saving Bank* pada tahun 1963 (Mokhtar

⁸ Rumah merupakan tempat pendidikan awal yang diperkenalkan. Rasulullah SAW telah menggunakan rumah Arqam Ibn Abi al-Arqām sebagai tempat pertemuan dan pengajaran dengan para sahabat (Che Bakar Che Mat et al., 2007:53).

⁹ *Al-Ṣufat* merupakan ruang atau bangunan surau yang bersambung dengan masjid. *Al-Ṣufat* boleh dilihat sebagai sebuah sekolah kerana kegiatan pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara teratur dan sistematik. Contohnya Masjid Nabawi yang mempunyai *ṣufat* yang digunakan sebagai majlis ilmu (Lina Malini Mat Nafi, 2013).

¹⁰ *Kuttāb* diperkenal dalam kalangan bangsa Arab pra-Islam dan berfungsi sebagai tempat mendapat pendidikan. Selain *Kuttāb* yang terletak di masjid terdapat juga *Kuttāb* umum yang berbentuk madrasah.

Mahamad & Izah Mohd Tahir, 2010). Pada tahun berikutnya, muncul pula institusi perbankan Islam yang lain seperti *Nasser Social Bank pada tahun 1972*, *Islamic Development Bank (1974)*, *Dubai Islamic Bank (1975)*, *Faisal Islamic Bank of Sudan (1977)*, *Islamic Bank of Jordan (1978)*, *Islamic Bank of Bahrain (1979)* dan beberapa buah bank Islam di negara Islam yang lain (Mokhtar Mahamad & Izah Mohd Tahir, 2010).

Asyraf Wajdi Dusuki (2012) berpendapat bahawa pada tahun 1980-an keseriusan untuk membangunkan sistem perbankan Islam mula dipelopori secara lebih teratur oleh beberapa buah institusi kerajaan negara-negara Islam. Antara negara terawal yang menyambut idea penubuhan sistem perbankan Islam ini termasuklah Pakistan, Sudan, Iran dan Malaysia. Mohamad Akram Laldani dan Nusaibah Mohd Parid (2010) juga berpendapat bahawa sistem kewangan Islam telah berkembang di peringkat global sehingga pelbagai transaksi merentas sempadan negara. Misalnya, *Burṣat Sūq al-Sila*¹¹ telah memeterai perjanjian kontrak dengan *Gatehouse Bank Plc.* yang berasal daripada United Kingdom setelah hanya sebulan mula beroperasi. Situasi ini sekali gus membuktikan penerimaan yang baik terhadap perbankan Islam dalam kalangan masyarakat dunia pada masa ini.

Setelah menyaksikan kejayaan demi kejayaan oleh negara-negara Islam dalam sistem perbankan Islam, negara-negara bukan Islam juga turut menonjolkan minat terhadap sistem perbankan Islam. Menurut Mokhtar Mahamad dan Izah Mohd Tahir (2010), Filipina merupakan negara bukan Islam pertama menubuhkan bank Islam iaitu *Philiphine Amanah Bank* pada tahun 1973, kemudian diikuti dengan Luxemborg,

¹¹ *Bursa Suq Al-Sila*’ adalah platform dagangan komoditi yang dikhususkan untuk memudahkan pengurusan mudah tunai Islam dan pembiayaan oleh bank-bank Islam (Bursa Malaysia, 2015).

Islamic Banking System International Holding pada tahun 1978, Switzerland, *Dār al-Māl-al Islāmiy*, USA iaitu *LARIBA Finance House*.

Berikutan perkembangan positif beberapa bentuk institusi PBI sedia ada, menyebabkan timbul institusi-institusi lain yang menampilkan satu demi satu pertumbuhannya di serata pelosok dunia. Usaha memartabatkan institusi PBI ini juga turut menjadi perhatian negara Malaysia. Di Malaysia sendiri muncul pelbagai bentuk institusi PBI seperti, perbankan, pendidikan, pentadbiran, sosioekonomi, peribadatan, kewangan, perubatan dan perundangan.

1.2.3 Institusi PBI di Malaysia

Dalam konteks negara Malaysia, institusi PBI menjadi cerminan negara yang menjadikan agama Islam agama Persekutuan. Sebelum meneliti dengan lebih lanjut mengenai institusi PBI di Malaysia, terlebih dahulu bahagian ini mengimbas mengenai institusi pentadbiran Islam di Malaysia. Pada dasarnya, pentadbiran Islam di Malaysia bermula seawal sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka di Melaka akibat daripada proses lonjakan Islamisasi di Nusantara (Farid Sufian Shuaib, 2009). Namun, proses Islamisasi ini dikatakan tidak berterusan kerana terdapat campur tangan penjajah yang membawa bersama undang-undang mereka. Walau bagaimanapun, atas faktor tersebut, Farid Sufian Shuaib (2009) berpandangan bahawa Sultan pada ketika itu telah mengambil keputusan yang sewajarnya dengan meletakkan institusi Islam di bawah kekuasaannya. Berikutan daripada itu, sehingga kini hal ehwal agama Islam berada di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan di setiap negeri di Malaysia dengan diketuai Yang di-Pertuan Agong (YDP).

Demi kelancaran hal ehwal pentadbiran Islam di Malaysia, JAKIM merupakan institusi utama ditubuhkan untuk tujuan tersebut. Sehingga kini, JAKIM terkenal sebagai institusi pentadbiran yang mengurus hal ehwal institusi pentadbiran Islam. Buktinya, Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia, Syeikh Abdul Halim Abd Kadir (2018), menyatakan bahawa Persatuan Ulama Malaysia (PUM) yakin dengan kewujudan JAKIM di Malaysia sebagai penyelaras hal ehwal Islam yang penting kepada negara. Tambahan pula, JAKIM sendiri dianggap mempunyai hubungan signifikan bagi membantu YDP Agong sebagai Ketua Agama Persekutuan dan DYMM Sultan negeri-negeri (Syeikh Abdul Halim Abd Kadir, 2018).

Secara umumnya, penubuhan JAKIM berfungsi sebagai badan perancang dan penyelaras hal ehwal Islam di peringkat kebangsaan termasuk aspek pernyeragaman undang-undang dan pentadbiran hal ehwal Islam, hukum syarak, pendidikan Islam seluruh negara serta memastikan dasar dan perancangan pembangunan negara berkaitan agama berjalan dengan lancar (JAKIM, 2018). Selain daripada itu, Othman Mustapha (2018) menyatakan bahawa dengan penubuhan JAKIM terbukti bahawa pihak kerajaan berkuasa mutlak untuk menubuh, mengurus dan memberi dana kepada mana-mana institusi berkaitan Islam. Dalam hal ini menunjukkan bahawa institusi PBI turut menjadi keutamaan dalam usaha pembangunan di Malaysia.

Seiring dengan peranan JAKIM yang cukup efektif dalam pengurusan hal ehwal Islam, didapati institusi pentadbiran Islam turut ditubuhkan di setiap negeri-negeri di Malaysia. Antara institusi pentadbiran lain ialah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

(MAINPP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPS), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Dengan penubuhan institusi pentadbiran Islam di setiap negeri ini sedikit sebanyak mampu melancarkan urusan pentadbiran Islam di Malaysia. Sebagai contoh, institusi pentadbiran iaitu MAIWP yang berperanan menjaga hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pada era globalisasi ini juga, Malaysia turut menikmati kemajuan dalam kewangan Islam dan menjadi antara tumpuan dan contoh kepada dunia. Selain itu, institusi perbankan Islam di Malaysia membuktikan peningkatan jumlah keahlian dan aset yang berterusan bahkan, mendapat penerimaan positif daripada orang ramai terhadap produk perbankan Islam yang berteraskan perbankan runcit Islam (Fathiah Fathil, 2008)¹². Dalam pada itu, Asyraf Wajdi Dusuki (2012) mendapati bahawa Malaysia sebenarnya antara negara terawal yang telah memelopori gagasan perbankan Islam. Hakikatnya, penubuhan institusi perbankan Islam di Malaysia bermula seawal tahun 1962. Hasil cadangan Prof. Diraja Ungku Aziz tiga tahun sebelumnya iaitu 1959, maka Lembaga Tabung Haji (TH) ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai sebuah Badan Berkanun (Yusof Ramli, 2008:114).

¹² Pada peringkat antarabangsa setakat tahun 2012, jumlah aset kewangan Islam di peringkat global kini telah mencecah sehingga AS\$1.329 trilion (RM4.39 trilion). Walaupun industri perbankan Islam kini hanya menunjukkan 1.6 peratus daripada keseluruhan jumlah aset 50 bank terbesar dunia (yang berjumlah RM218.77 trilion), pencapaian industri perbankan Islam berada pada tahap yang membanggakan berdasarkan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 21.1 peratus dari tahun 2007 hingga tahun 2011 (*Kosmo*, 2014).

Menurut Mokhtar Mahamad dan Izah Mohd Tahir (2010), penubuhan TH ini juga dilaksanakan pada tahun yang sama dengan penubuhan *Mit Ghamr Local Saving* di Mesir. Rentetan penubuhan TH, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pula ditubuhkan pada tahun 1983 di bawah Akta Bank Islam Malaysia Berhad, Akta no. 276 (Yusof Ramli, 2008:82). Antara lain, yang memikul tanggungjawab dan membawa hala tuju sebagai institusi perbankan Islam ialah Bank Rakyat yang ditubuhkan pada tahun 1993 dan diikuti Bank Muamalat Malaysia Berhad pada tahun 1999.

Seterusnya, institusi PBI di Malaysia bukan hanya ditonjolkan institusi berbentuk pentadbiran dan perbankan sahaja, malah terdapat beberapa bentuk institusi PBI lain yang memperlihatkan keseriusan mereka. Institusi pendidikan antara institusi yang memperlihatkan kesungguhannya dalam PBI di Malaysia. Secara realitinya, pelaksanaan pelajaran pendidikan Islam di Malaysia telah mula bertapak di Melaka sekitar abad ke-14 lagi. Namun, sistem pendidikan Islam pada ketika itu merupakan sistem pendidikan yang tidak formal seperti yang ada kini. Pendidikan Islam secara formal mula diberi perhatian setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Abdullah Ishak (1995:152) menyatakan bahawa pendidikan terus menjadi agenda utama kebangsaan dan menjadi formal dengan wujudnya seksyen 49 Ordinan Pelajaran 1957.

Kemudian, menurut Mohd Roslan Mohd Nor dan Wan Mohd Tarmizi Wan Othman (2011:65) pada tahun 1960, kerajaan mula melaksanakan undang-undang pendidikan berdasarkan kepada Laporan Rahman Talib¹³. Rentetan daripada laporan tersebut

¹³ Pada tahun 1960, Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran Kebangsaan ditubuhkan bagi menyemak semula Penyata Razak. Jawatankuasa ini diketuai oleh YB Abdul Rahman Talib; Menteri Pelajaran